



LAPAN pelajar terbaik program HP Software University bersama Prof. Dr. Zainab Abu Bakar (duduk, dua dari kiri) serta Tony Chew (duduk, kiri sekali) selepas menerima sijil dan cenderamata pada majlis penyampaian sijil program tersebut di Shah Alam, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDULLAH

93 miliki sijil HP Software University

SHAH ALAM 21 Dis. nuntut Fakulti Tekno Sains Matematik (FSK nologi Mara (UiTM) b program pengujian p ccard (M) Sdn. Bhd. (f Lapan daripada mei bagi peserta terbaik pi menerima sijil pengh ramata daripada pihak Program yang dinai University itu menawar bangunan yang direka lajar memperoleh ke maklumat dalam bidar

BH PULIH 4C 23 (amal)

Universiti pertama guna perisian HP

UiTM bantu pelajar peroleh kemahiran perkukuh teknologi maklumat

SEKITAR KAMPUS

Oleh Nor Hatina Shuib

SHAH ALAM: Universiti Teknologi Mara (UiTM) munculi universiti pertama di negara ini mengapikali perisian dan program latihan Hewlett Packard (HP) sebagai sebahagian daripada kurikulumnya. Program dinamakan HP Software University itu menawarkan kursus prapembangunan yang direka bagi membantu pelajar memperoleh kemahiran memperkukuh organisasi teknologi maklumat dalam bidang perniagaan.

Seramai 93 pelajar Fakulti Teknologi Komputer dan Sains Matematik (FSKM) terbahagi dalam program yang dijayakan dengan kerjasama HP, UiTM

dan Pemimpin Teknologi Pendidikan (TEL) itu. Dekan FSKM, Prof. Dr. Zainab Abu Bakar, berkata kursus perisian itu membolehkan pelajar mengalahui hala tuju mereka dalam bidang kerjaya.

Katanya, bidang teknologi sangat luas skopnya dan kursus tiga minggu itu diharap dapat menjadikan pelajar lebih fokus sebakik meninggalkan alam kampus. Adalah menjadi hasrat kami untuk membekalkan pelajar dengan keupayaan pengujian dan sijil yang diakui industri teknologi tempatan dan global.

Melalui program ini, lulusan kami bakal terkenali dengan produk, teknologi dan metodologi yang digunakan syarikat terkemuka di pasaran dunia," katanya pada majlis penyampaian sijil kepada lapan peserta terbaik di sini,

baru-baru ini.

Hadiri sama, Pengarah Perkhidmatan Profesional Asean dan HP Software Solutions, Tony Chew dan Pengerusi TEL, Datuk Ibrahim Thamby Chik. Program itu adalah yang pertama kali diadakan di Malaysia dan ketiga di Asia selepas India dan China.

Chew berkata, modul latihan dan kurikulum yang bermula 30 November lalu diwujudkan bagi memberikan pendedahan dan inisiatif kepada pelajar melalui kemahiran pengujian perisian dengan saiz pasaran global yang diramalkan mencapai lebih AS\$30 bilion setahun.

Katanya, adalah menjadi matlamat dan kesediaan pihak HP kepada bakal graduan tahun akhir UiTM yang berbakat supaya melengkapkan diri dengan 'HP Software University'.

"Saya juga melihat kursus ini mampu memberikan pelajar satu permulaan dalam mengembangkan kemahiran perisian yang dicari oleh syarikat besar dan ternama," katanya.

Ibrahim pula berkata, kerjasama itu dilihat satu usaha baik kerana pelajar dalam bidang teknologi memerlukan satu kelebihan yang tidak ada pada pelajar teknologi lain. Pelajar, Nooraimi Shahira Ahmad Termini, bersyukur kerana terpilih antara pelajar terbaik dan gembira dapat memanfaatkan ilmu yang diberikan tenaga pengajar mengenai pengujian perisian.

"Sebelum menyertai kursus ini, banyak perkara mengenai teknologi yang saya sendiri tidak tahu tetapi kini hala tuju saya lebih jelas selepas mempelajari teori dan melakukan praktikal," katanya.



SERAMAI 93 peserta menunjukkan kemahiran perisian selepas tamat latihan program HP Software University di UiTM Shah Alam.